



KENYATAAN MEDIA

ORANG RAMAI DIMINTA BERWASPADA TERHADAP PENIPUAN MENGUNAKAN KOD QR DUITNOW PRODUK WAKAF YAYASAN WAQAF MALAYSIA

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) ingin memaklumkan bahawa pihak kami telah menerima aduan berhubung penyalahgunaan kod QR DuitNow produk-produk wakaf YWM oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi tujuan penipuan dan memperdaya orang awam untuk membuat transaksi kewangan ke akaun yang bukan milik YWM.

Sehubungan itu, YWM memandang serius perkara ini dan sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi melindungi kepentingan para pewakaf serta orang awam daripada menjadi mangsa penipuan. **YWM ingin menasihatkan orang awam supaya sentiasa berwaspada serta tidak terburu-buru dalam membuat sebarang transaksi kewangan yang melibatkan pewakafan.**

Setiap transaksi hendaklah disemak dan dipastikan terlebih dahulu bahawa nama penerima yang dipaparkan adalah **Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)** sebelum pembayaran disahkan. Antara langkah keselamatan yang perlu diberi perhatian adalah:

1. Pastikan nombor akaun dan nama penerima yang dipaparkan semasa transaksi adalah nama **Yayasan Waqaf Malaysia** atau nama produk wakaf **Yayasan Waqaf Malaysia**.
2. Jangan membuat sebarang pembayaran sekiranya nama penerima yang tertera tidak sepadan dengan nama rasmi **Yayasan Waqaf Malaysia** atau mana-mana nama produk wakaf **Yayasan Waqaf Malaysia**.
3. Elakkan mengimbas kod QR DuitNow yang diterima daripada sumber yang tidak sah atau meragukan.
4. Dapatkan pengesahan melalui **saluran rasmi YWM** sekiranya terdapat sebarang keraguan sebelum membuat transaksi.

YWM menegaskan bahawa semua transaksi pewakafan hendaklah dibuat melalui saluran rasmi yang disediakan oleh YWM bagi memastikan sumbangan yang diberikan sampai kepada penerima yang sah dan digunakan untuk tujuan pewakafan yang ditetapkan.

YWM tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk penyalahgunaan identiti, penyelewengan atau penipuan yang menggunakan nama dan reputasi institusi ini. Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan aktiviti tersebut diminta untuk segera

membuat laporan kepada pihak berkuasa dan memaklumkan kepada YWM bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

Orang ramai yang mengesyaki wujud unsur penipuan atau mempunyai maklumat berkaitan penyalahgunaan kod QR DuitNow yang menggunakan nama YWM diminta untuk segera melaporkannya kepada pihak berkuasa serta memaklumkan kepada YWM melalui saluran komunikasi rasmi kami seperti berikut:

No Telefon	03-8871 0800
Whatsapp rasmi YWM	019 - 2007481
Emel	info@ywm.gov.my
Media sosial rasmi YWM	a) Facebook: www.facebook.com/YayasanWaqafMalaysia b) Instagram: www.instagram.com/yayasanwaqafmalaysia c) X : x.com/rasmi_YWM d) Youtube: Yayasan Waqaf Malaysia e) TikTok : @Yayasan_Waqaf_Malaysia

Kepercayaan orang awam merupakan amanah yang amat bernilai bagi kami. Justeru, YWM komited untuk terus memperkukuh keselamatan saluran transaksi pewakafan serta memastikan setiap sumbangan wakaf yang diamanahkan oleh para pewakaf dilindungi dan disalurkan kepada tujuan yang sah serta memberi manfaat kepada ummah.

Kerjasama dan keprihatinan semua pihak amat dihargai dalam usaha memastikan integriti pengurusan wakaf negara terus terpelihara serta melindungi masyarakat daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

– TAMAT –

Yayasan Waqaf Malaysia
19 Jun 2026

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:
Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my